

**The Sarawak Museum Journal****Vol. LVI No. 77****December 2001****ISSN: 0375-3050****E-ISSN: 3036-0188**

Citation: Nordi bin Achie (2001). Wanita Dalam Politik Sarawak 1946-1996: Satu Tinjauan Awal. *The Sarawak Museum Journal*, LVI (77): 165-212

WANITA DALAM POLITIK SARAWAK 1946-1996: SATU TINJAUAN AWAL**Nordi bin Achie****ABSTRACT**

Kertas ini bertujuan membincangkan penglibatan peranan dan ketokohan wanita dalam politik Sarawak. Ia dibincangkan secara umum dan menyeluruh. Wanita mula bergiat aktif dalam kegiatan politik Sarawak pada 1946 iaitu dalam perjuangan anti penyerahan. Sehingga 1996, usia penglibatan wanita dalam lapangan politik Sarawak, menjangkau 50 tahun. Dalam tempoh ini, wanita merupakan protagonis yang turut mempengaruhi rentak tarik politik Sarawak. Meskipun penonjolan wanita sebagai tokoh politik tidak segah lelaki, tetapi mereka ternas memainkan peranan penting di peringkat akar politik. Masa depan parti dan kerajaan juga ditentukan oleh wanita. Dalam arus globalisasi, peranan wanita dalam politik terus mansang. Tetapi, masa depan wanita sebagai tokoh politik masih samar-samar. Perlembagaan tidak menghalang wanita muncul sebagai tokoh politik. Budaya politik juga tidak menyisihkan mereka daripada politik. Sejarah pula membuktikan wanita merupakan sebahagian daripada galaksi perjuangan politik. Namun, penonjolan wanita sebagai tokoh politik masih tandus. Usaha ke arah itu, tidak mungkin tercapai tanpa wujudnya perubahan *sinkopasi* politik yang merangkumi peringkat parti, negeri dan pusat.

WANITA DALAM POLITIK SARAWAK 1946-1996: SATU TINJAUAN AWAL*

oleh
Nordi bin Achie

Abstrak

Kertas ini bertujuan membincangkan penglibatan, peranan dan ketokohan wanita dalam politik Sarawak. Ia dibincangkan secara umum dan menyeluruh. Wanita mula bergiat aktif dalam kegiatan politik Sarawak pada 1946 iaitu dalam perjuangan anti penyerahan. Sehingga 1996, usia penglibatan wanita dalam lapangan politik Sarawak, menjangkau 50 tahun. Dalam tempoh ini, wanita merupakan protagonis yang turut mempengaruhi rentak tari politik Sarawak. Meskipun penonjolan wanita sebagai tokoh politik tidak segah lelaki, tetapi mereka terus memainkan peranan penting di peringkat akar politik. Masa depan parti dan kerajaan juga ditentukan oleh wanita. Dalam arus globalisasi, peranan wanita dalam politik terus mansang. Tetapi, masa depan wanita sebagai tokoh politik masih samar-samar. Perlembagaan tidak menghalang wanita muncul sebagai tokoh politik. Budaya politik juga tidak menyisihkan mereka daripada politik. Sejarah pula membuktikan wanita merupakan sebahagian daripada galaksi perjuangan politik. Namun, penonjolan wanita sebagai tokoh politik masih tandus. Usaha ke arah itu, tidak mungkin tercapai tanpa wujudnya perubahan *sinkopasi* politik yang merangkumi peringkat parti, negeri dan pusat.

Pengenalan

Secara umumnya, masyarakat memberikan status dan imej positif kepada wanita. Wanita berperanan sebagai pelahir zuriat, penggalur keturunan dan penyelamat masyarakat. Ini dapat

dilihat melalui lagenda asal-usul bumiputera¹. Bagi masyarakat Cina, status wanita terikat dengan sistem patriarki. Status wanita Cina dilihat sebagai ‘inferior’ (golongan bawahan). Ia mempengaruhi penonjolan wanita Cina dalam politik. Bagi wanita bumiputera, mereka dianggap setaraf dengan lelaki. Hubungan antara wanita dan lelaki bersifat ‘bilateral’ dan ‘komplementari’. Wanita bumiputera mempunyai ruang yang lebih luas menjadi tokoh politik berbanding wanita Cina².

Jika ditinjau penglibatan wanita daripada perspektif sejarah, sebelum 1946, wanita belum lagi berperanan dalam aspek politik. Konstruksi sosiobudaya merupakan asas pemisahan peranan ‘public’ untuk lelaki dan ‘domestic’ untuk wanita. Ia mempengaruhi sikap dan pemikiran masyarakat. Masyarakat cenderung meletakkan dunia kepimpinan dan politik atas bahu lelaki. Ruang lingkup wanita pula dikaitkan dengan bidang kekeluargaan, kerumahtanggaan dan kegiatan ekonomi.

Pengaruh sosiobudaya mendarahdagingi pemikiran dan sikap masyarakat termasuklah golongan pemerintah. Sejak zaman pemerintahan Kesultanan Brunei hingga tamatnya regim Brooke, tidak terdapat pembesar, pentadbir dan pemimpin masyarakat terdiri daripada wanita. Ini menyebabkan aspek kepimpinan dan politik terus dikuasai oleh lelaki³. Tahun 1946 merupakan titik penting sejarah penglibatan kaum ibu dalam aspek politik. Kaum ibu bergerak cergas dalam lapangan politik tanah air. Sebelum ini, tidak ada faktor pemangkin dan pencetus kepada kaum ibu untuk berpolitik. Apabila terperciknya perjuangan anti penyerahan, ia menyemarakkan semangat kaum ibu untuk memperjuangkan kemerdekaan nusa dan kedaulatan bangsa. Ia menjadi faktor yang definatif mempengaruhi peralihan (penglibatan dan peranan) kaum ibu daripada kerangka domestik kepada politik⁴.

Wanita dan Perjuangan Anti Penyerahan 1946-1951

Penglibatan kaum ibu dalam gerakan anti penyerahan 1946, merupakan tapak terawal mereka dalam kegiatan politik. Biarpun usia penglibatan kaum ibu masih muda, baru mencecah separuh abad sehingga 1996, tetapi peranan dan sumbangan kaum ibu telah mencapai tahap kematangannya. Ini dapat dilihat melalui penglibatan aktif wanita dalam tiga era. Pertama, dalam perjuangan anti penyerahan 1946-1950. Kedua, usaha mencapai kemerdekaan 1959-1963. Ketiga, penglibatan wanita dalam era politik berparti 1959-1996. Perjuangan tokoh politik wanita sepanjang 50 tahun ini juga membuktikan mereka memberikan sumbangan penting kepada rakyat, parti dan kerajaan⁵.

Dalam gerakan anti penyerahan 1946-1951, tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan dan peranan kaum ibu tidak kurang pentingnya seperti kaum bapa. Penglibatan kaum ibu buat julung kalinya dalam arena politik Sarawak, diakui oleh Sarawak Tribune sebagai “History in the Making”⁶. Menurut Sabihah Osman, pengiktirafan tersebut tercetus akibat:

The editor was impressed by the eloquence of the speakers, whose subjects ranged from Malay nationalist backness of women in Sarawak and their demand for right. There is no trace of the bashfulness that so characterised women in the old days when making a public appearance and the women of today stand out on just as firm and equal a ground as that of any man in full realization of the party they have to play in the country⁷.

Apabila terasasnya Persatuan Wanita Melayu Sarawak (PWMS) atau Kaum Ibu Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (KI PKMS)⁸ dan Kaum Ibu Persatuan Pemuda Melayu (KI PPM)⁹, kaum ibu mempunyai dua proksi politik untuk berjuang bersama kaum bapa, dalam gerakan anti penyerahan. Kedua-dua persatuan ini merupakan organisasi politik wanita Sarawak yang terawal diasaskan.

Melalui PWMS dan KI PPM, kaum ibu berperanan penting sebagai pendukung gerakan anti penyerahan. Mereka membangkitkan kesedaran nasionalisme dan semangat patriotisme di kalangan kaum ibu. Kaum Ibu berganding bahu dengan kaum bapa dalam perjuangan anti penyerahan. Mereka juga mengorbankan harta, tenaga dan masa demi perjuangan menuntut kedaulatan bangsa dan kemerdekaan nusa. Kaum ibu terlibat secara langsung dalam siri demonstrasi, perarakan, rapat umum, pemulauan, solat hajat, kempen anti penyerahan dan menghantar surat bantahan sebagai manifestasi perjuangan anti penyerahan¹⁰. Lily Eberwein, Pengurus PWMS, ketika mengimbas kembali tindakannya meletak jawatan sebagai Guru Besar Sekolah Permaisuri, menegaskan:

Tetapi Ibu sekali-kali tidak berasa kesal atas tindakan Ibu, meskipun dari segi politik kumpulan kami (kumpulan 338) nampak kalah tetapi di segi perjuangan kami adalah lebih patriotik dan inilah kemenangan moral kami.

Walaupun orang kata kami bodoh [kerana meletak jawatan dan menentang kolonial British] tetapi siapa yang lebih bodoh dan khianat daripada menjual negeri dan membiar Bangsa Asing yang tidak berperikemanusiaan mencerobohi hak pertiwi.

Anak mesti tahu betapa penderitaan telah Ibu tempuh bukan Ibu berjuang untuk medal dan pangkat, Ibu cinta akan anak Bangsa sedarah Ibu¹¹.

Menerusi ucapannya sempena memperingati ‘Hari Penyerahan Haram’ di Darul Kornia pada 1 Julai 1947, Lily Eberwein mencemuh penjajahan British dan menuntut kemerdekaan nusa dengan berkata:

Penyerahan yang haram itu dibenci dan tidak diterima oleh kaum ibu bumiputera Sarawak. Kami merayu kepada British supaya Kemerdekaan Sarawak itu dikambalikan. Kerajaan British jangan membutakan mata dan menutupkan telinga kepada tuntutan kami serta menjalankan dasar kekerasan terhadap tanahayer kami¹².

Dalam perjuangan anti penyerahan, kaum ibu turut memainkan peranan merancang, menggerak dan melaksanakan kegiatan pertubuhan anti penyerahan. Penglibatan dan peranan wanita, mengukuhkan lagi kejituhan perjuangan anti penyerahan. Menurut Aliman Syahmat¹³, beliau mengakui dengan sokongan padu daripada kaum ibu, gerakan anti penyerahan semakin dikagumi¹⁴. Pengakuan ini bertepatan dengan pendapat Sabihah Osman:

The emergence of women as a political force had astonished everyone, including the British officials. Never before had the women done anything like making public speeches, carrying banners and conducting political gatherings. Together with the menfolk, they attended the political rallies¹⁵.

Perjuangan kaum ibu dalam gerakan anti penyerahan turut diiktiraf oleh pemimpin sezaman. Awang Rambli, Setiausaha Agung PPM menyifatkan kaum ibu sebagai sayap perjuangan:

Kaum Ibu PPM dan Kaum Ibu PKMS [PWMS] adalah macham sayap kapal terbang. Jika patah satu sayap maka tergendalah perjalanan kapal terbang. Pendek kata pertubuhan2 wanita yang dua ini tidak boleh bercherai dengan badan2 Kaum Bapa [PPM dan PKMS] yang satu berpusat di-Sibu dan yang satu berpusat di-Kuching.

Mereka telah banyak kali mengadakan perjumpaan2 ramai dan perarakan2. Sharifah Sipah (Ketua) dan Dayang Fauziah (Setiausaha) tidak tahu jemu2 mengkorbankan masa dan tenaga-nya kerana menganjur [menggerakan] kaum wanita di dalam Bahagian Yang Ke-3, sabagaimana perbuatan Chegu Lily dan Chegu Ajibah Abol di-Bahagian Yang Pertama¹⁶.

Kaum ibu juga berperanan memberikan sokongan moral kepada kaum bapa. Kaum ibu menggesa kaum bapa agar bangkit membela maruah bangsa dan kemerdekaan tanah air yang dirampas oleh kolonial British. Di Igan, kaum ibu mencabar kaum bapa supaya bergiat cergas dalam gerakan anti penyerahan. Kaum Ibu mengingatkan mereka agar jangan menjadi pemerhati dan berdiam diri sahaja. Kaum ibu menegaskan:

Kaum ibu mencabar kaum bapa bahawa jika mereka tidak tampil ke hadapan demi mempertahankan maruah bangsa, lebih baik sahaja mereka (kaum bapa) duduk di dapur. Biar kaum ibu yang berdiri di barisan hadapan. Kaum ibu bersedia menyabung tanah air daripada dijajah¹⁷.

Cabarani ini disambut oleh Wasil Abu Talib, pejuang anti penyerahan dari Saratok. Beliau mengakui kepentingan kaum ibu memperjuangkan kemerdekaan nusa dan membela maruah bangsa. Baginya, tanpa kaum ibu:

...tiada berupaya-lah lagi kita hendak meletakkan tangan2 kita yang gagah perkasa pada mempertahankan bangsa dan tanahayer daripada di-chabol dan di-songlapkan. Mahulah kita bersefahaman kerjasama antara satu sama yang lain dan memandang tepat pada kesan2 perubahan [siasah] itu serta berdiri dalam dunia siasah yang tertinggi pada menyelamatkan bangsa dan tanahayer kita [daripada dijajah British]. Pertarohkan-lah meruahmu wahai kaum ibuku! Supaya jangan [menjadi] sebagai perhiasan dunia tamaddun semata2¹⁸.

Biarpun gerakan anti penyerahan gagal mencapai matlamat mendapatkan kemerdekaan di bawah pemerintahan Brooke, tetapi perkara yang perlu ditegaskan akibat daripada penglibatan kaum ibu ialah terpupuknya asas kesedaran berpolitik dan semangat patriotisme. Kaum ibu berjaya keluar dari tempurung lamanya. Mereka berjaya memecahkan kepompong tradisional buat julung kalinya. Kaum ibu menempa sejarah unggulnya apabila melibatkan diri dalam kegiatan politik tanah air. Kaum ibu mengasaskan PWMS dan KI PPM dengan titik keringatnya. Mereka tidak mahu terpinggir daripada arus perjuangan kebangsaan. Inilah yang dikatakan sebagai kelahiran nasionalisme Sarawak. Ia bukan fenomena kaum bapa semata-mata Sanib Said menyatakan:

Although the anti cession movement failed in obtaining their objectives, it surely did not fail to awaken the natives from their languid political slumber under the white Rajah regime. The anti cession movement saw the birth of nationalism in Sarawak. It was a